

## **BIDANG JIHAD BAGI WANITA MENURUT PERSPEKTIF AMINA WADUD** **Women Jihad According to Amina Wadud**

Shahidatul Ashikin Shahran<sup>1</sup>, Najah Nadiah Amran<sup>\*2</sup> & Latifah Abdul Majid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Calon sarjana Program Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

\*najah@ukm.edu.my (Corresponding author)

### **Abstrak**

Pelbagai pendekatan telah digunakan oleh pengkaji barat ketika meneroka tentang konsep jihad menurut Islam. Kepelbagaian ini memberikan natijah kepada wujudnya perbezaan pandangan mengenai erti dan bidang-bidang jihad yang sebenarnya. Artikel ini bertujuan membahaskan bidang jihad bagi wanita menurut perspektif Amina Wadud yang menggunakan pengalaman hidupnya dan pendekatan feminisme sebagai kerangka konsep dalam mendalami bidang ini. Kajian ini menggunakan metode kualitatif berbentuk analisis dokumen dengan merujuk kepada karyanya yang bertajuk '*Inside the Gender Jihad Womens Reform in Islam*'. Amina Wadud bertegas bahawa budaya patriarki yang diamalkan sejak dahulu telah menindas dan meminggirkan wanita dari memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara, justeru beliau telah mengepalai solat Jumaat dan membaca khutbah. Pengalaman tersebut membentuk diri beliau untuk melihat peranan wanita dan sumbangan mereka dari perspektif pembebasan dari budaya yang dikatakan mengongkong wanita Islam. Artikel ini menyenaraikan empat daripada lapan bidang jihad bagi wanita yang ditampilkan dalam karya beliau iaitu wanita berjihad menerusi (a) pelaksanaan peranan dalam keluarga khususnya mereka dalam kalangan ibu tunggal, (b) peranan sebagai pekerja di sektor pekerjaan, (c) wanita menjadi ketua dalam urusan agama seperti menjadi imam dan juga (d) menerusi penglibatan bidang pendidikan serta penyelidikan. Kajian mencadangkan agar dilakukan kajian perbandingan yang konprehensif meninjau perspektif pengkaji-pengkaji barat dan timur mengenai konsep dan bidang jihad bagi golongan wanita.

**Kata Kunci:** Amina Wadud, bentuk jihad bagi wanita, sistem patriarki, Wanita Islam

### **Abstract**

Western researchers employ various approaches in exploring the concept of jihad in Islam. As the result, they define and understand the term from different perspectives which lead to the misunderstanding of the true meaning and forms of jihad. This article discusses the form of jihad for women according a western researcher, Amina Wadud perspective who utilise her life experience and feminist approach in expounding the forms of jihad for women. This study uses a qualitative method in the form of document analysis with reference to the work of Amina Wadud entitled '*Inside the Gender Jihad Womens Reform in Islam*'. Amina Wadud argues that the patriarchal culture practiced in the past has oppressed and marginalized women from contributing to society and the country. Amina Wadud is famous for her controversial action in leading Friday prayer and preaching the khutba. Those experinces develop and shape her paradigm on looking at gender roles and contribution through the lens of saving women from the traditional constructed culture of mistreatment. The finding has uncovered the presence of various forms of jihad for women. Amina has listed eight areas that Muslim women may contributing actively. Yet this article only focused on few of them which are (a) through domestic roles in the family especially the roles of single mothers, (b) as employees at workplaces, (c) as the head of religious congregation i.e leading prayer and (d) as educators or researchers. This article proposes further compartive and comprehensive exploration on the concept and forms of jihad from western and eastern researchers.

**Keywords:** Amina Wadud, forms of jihad, patriachy system, women in Islam

## PENGENALAN

Kedatangan Islam merupakan satu rahmat dan anugerah kepada seluruh manusia. Menerusinya, golongan wanita telah dikeluarkan dari penindasan dan kezaliman kepada kehidupan yang adil. Islam telah memberikan wanita hak-hak yang sepatutnya mereka perolehi seperti hak kemanusiaan, hak kehidupan, hak sosial, hak ekonomi, hak politik dan hak sebagai seorang isteri (Mek Wok, 2014). Malah, wanita dan lelaki diberikan hak yang sama rata sebagai hamba Allah. Masing-masing akan mendapat ganjaran atas setiap perbuatan dan amalan yang dilakukan seperti pahala dan dosa. Begitu juga dengan amalan jihad. Namun segelintir pengkaji barat menjelaskan bahawa jihad hanyalah berkaitan persenjataan dan peperangan (David Cook 2005). Oleh itu, ia tidak diwajibkan ke atas golongan wanita. Sebenarnya, dalam Islam, bidang jihad bagi wanita berbeza berbanding dengan kaum lelaki (Mohd Imran Abdul Razak, 2019). Ia hendaklah mengikut kepada ketetapan agama dan kehendak Allah SWT berdasarkan kepada kemampuan dan kesesuaian fitrah yang ada pada wanita. Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis bentuk pelaksanaan jihad bagi kaum wanita dalam pelbagai bidang mengikut perspektif Amina Wadud.

Perubahan sosio-budaya dalam masyarakat dan kemajuan yang dialami menyebabkan wujudnya perubahan bentuk dan peranan di antara lelaki dan wanita. Perubahan ini menimbulkan “ketidakadilan gender” antara wanita dan lelaki dalam masyarakat khususnya dalam hukum Islam (Mohd Anuar Ramli, 2013). Pengkaji-pengkaji barat khususnya Amina Wadud berpendapat bahawa perubahan yang terjadi disebabkan oleh pengaruh budaya patriarki sehingga memberikan kesan yang mendalam terhadap status wanita. Patriarki juga telah membataskan kesedaran tentang kesaksamaan dan keadilan al-Quran dan mempengaruhi tafsiran al-Quran dan amalan umat Islam hingga menyebabkan penafsiran yang tidak seimbang mengenai wanita di samping faktor budaya masyarakat dan latar belakang pentafsir yang kebanyakannya adalah lelaki (Amaliatulwalidain, t.th). Perkara ini menyebabkan Amina Wadud berusaha untuk mentafsirkan al-Quran yang membincangkan mengenai wanita berdasarkan kepada persepsi, pengalaman dan pemikiran wanita demi tercapainya kesetaraan gender mengikut keadaan masyarakat semasa (Ernita Dewi, 2013). Amina Wadud berpendapat bahawa hasil penafsiran ulama silam tidak dapat diikuti secara menyeluruh kerana situasi dan budaya semasa yang berbeza pada ketika itu. Penggunaan kaedah klasik yang ditampilkan oleh ulama silam tidak dapat diteroka secara menyeluruh untuk diaplikasikan kepada suasana kehidupan masyarakat semasa (Ernita, 2013; Sokhi Huda; 2013).

### Konsep Jihad

Perkataan ‘jihad’ merupakan perkataan daripada Bahasa Arab yang bermaksud keberatan, kepayahan, kesusahan dan juga bebanan (Haron Din, 2007; Mahmood Zuhi Abd Majid, 2003). Ibnu Manzur (1956) dalam karyanya mendefinisikan perkataan ‘jihad’ sebagai kekuatan, kesusahan dan usaha. Manakala ‘jihad’ menurut *Kamus Dewan* bermaksud suatu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai kebaikan yang diredhai Allah SWT. Dalam erti kata yang lebih mudah, jihad merujuk kepada tumpuan dan usaha kepada sesuatu perkara yang ingin dicapai.

Makna ‘jihad’ dari sudut istilah pula merangkumi aspek yang luas. Para ulama’ membahagikan pengertian umum dan pengertian khusus. Pengertian umum merujuk kepada segala bentuk usaha dan pengorbanan dalam melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Jihad dalam pengertian khusus pula merujuk kepada peperangan menentang orang kafir dalam rangka menjaga dan mempertahankan agama Allah. Terdapat sebahagian ulama menambah termasuk juga peperangan menentang golongan penderhaka kepada kerajaan Islam (Al-Qaradawi, 2009). Ini menunjukkan bahawa jihad meliputi bidang yang luas dan berubah mengikut keadaan semasa (al-Buti, 1993; al-Qardhawi, 2009). Ia bermula daripada usaha menguasai diri sendiri daripada godaan syaitan, melaksanakan ajaran Islam dan mematuhi peraturan yang ditetapkan Islam, mempertahankan Islam, masyarakat dan negara dari ancaman musuh-musuh Islam dan lain-lain. Tegasnya, jihad bukanlah tertumpu kepada aspek peperangan semata-mata (Mahmood Zuhi, 2003).

Lelaki dan wanita pada dasarnya sama-sama mempunyai hak dan tanggungjawab di dalam melaksanakan tuntutan Islam sama ada dari segi akidah, ibadah, muamalat, menuntut ilmu dan apa sahaja yang mendatangkan kebaikan kepada Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 97:

Maksudnya:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun wanita dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami

akan memberikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka kerjakan.”

Walaupun bagaimanapun, lelaki dan wanita juga mempunyai tanggungjawab khusus mengikut kesesuaian fitrah yang telah digariskan oleh Islam seperti tanggungjawab melaksanakan jihad khususnya jihad perang diwajibkan ke atas kaum lelaki dan tidak diwajibkan ke atas kaum wanita. Tanggungjawab utama bagi wanita adalah memenuhi hak dan keperluan suaminya dan mendidik anak-anaknya (Zaenab Abdullah, 2012). Namun begitu, Islam tidak melarang sekiranya wanita turut serta ke medan perang kerana ianya dianggap sebagai sumbangan tambahan. Tambahan pula, wanita yang terlibat dalam jihad perang memainkan peranan sokongan seperti merawat pejuang yang terluka dan memberikan minuman (Zaenab Abdullah, 2012; Azzyati Mohd Nazim et al, 2012). Perkara ini menjelaskan bahawa kaum wanita memiliki kedudukan dan peranan khusus dalam masyarakat Islam.

Catatan sejarah Islam menunjukkan bahawa wanita turut memberikan sumbangan dalam pembangunan ummah (Najah Nadiyah et.al 2017). Buktinya, manusia pertama yang menyahut dakwah Islam adalah isteri Rasulullah SAW, Khadijah binti Khuwailid RA (Enizar, 2007). Khadijah RA juga terkenal sifat dermawannya dan mengabdikan hidupnya dan hartanya untuk menyebarkan Islam secara berterusan (Azzyati Mohd Nazim et al. 2012; Lukmanul Hakim, 2008). Sejarah Islam juga mencatatkan bahawa Sumayyah binti Khayyat adalah wanita pertama yang mati syahid demi menjaga keimanannya kepada Allah (Azzyati Mohd Nazim et al. 2012; Lukmanul Hakim, 2008; Enizar, 2007). Aisyah binti Abu Bakar RA juga memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat menerusi bidang pendidikan. Oleh yang demikian, wanita dalam masyarakat Islam memiliki peranan yang sangat penting mengikut kesesuaian dengan bingkai yang telah digariskan oleh Islam. Dengan kata lain, peranan mereka itu tidak bertentangan dengan kudratnya sebagai wanita yang dalam susunan biologi yang berbeza dengan lelaki (Suhaila Shahril, 2018; Zaenab Abdullah, 2012).

Kaum wanita khususnya pada zaman Rasulullah juga memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang (Najah Nadiyah 2014 dan Nurhafilah Musa & Najah Nadiyah 2019). Antara bidang yang diceburi oleh wanita adalah bidang dakwah, bidang keilmuan, pertukangan tangan urusan kemasyarakatan (Fatimah Ali, 2014) urusan rumahtangga, jihad dalam menunaikan ibadah haji dan umrah (Zaenab Abdullah, 2012) jihad dan peperangan (Zaenab Abdullah, 2012; , Lukmanul Hakim Darusman, 2008) jihad lisan dan jihad dengan melakukan kebaikan (Lukmanul Hakim Darusman, 2008). Perkara ini membuktikan bahawa ruang lingkup jihad bagi wanita adalah luas mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

### **Latar Belakang Amina Wadud**

Nama asal Amina Wadud ialah Maria Teasley. Beliau dilahirkan pada 25 September 1952 di Bethesda, Maryland, Amerika Syarikat. Amina Wadud dikenali sebagai seorang feminis Islam, imam dan sarjana Muslim yang kontroversi. Interpretasi beliau dikatakan berbentuk progresif yang fokus utamanya adalah melalui kaca mata feminis dan kritikan terhadap makna ayat-ayat al-Quran (Sokhi Huda, 2013). Beliau memeluk Islam pada usia 20 tahun iaitu pada akhir tahun 1972 (Murofin, 2013; Amina Wadud; 2006). Amina Wadud menerima ijazah doktor falsafah pada tahun 1988 di University of Michigan. Selain itu, beliau juga pernah belajar di Mesir termasuklah mempelajari bahasa Arab di American University di Cairo. Beliau juga mendalami pengajian al-Quran dan tafsir di Cairo University dan bidang falsafah di Universiti al-Azhar (Sokhi Huda, 2013).

Amina Wadud dikenali sebagai sarjana Muslim berbangsa Amerika yang memberi tumpuan kepada penafsiran al-Quran. Amina Wadud juga menguasai beberapa bahasa lain iaitu Bahasa Arab, Turki, Sepanyol, Perancis dan Jerman. Kelebihan yang dimiliki oleh Amina Wadud menyebabkan beliau menerima pelbagai tawaran sebagai pensyarah lawatan di beberapa buah universiti terkemuka (Murofin, 2013). Dalam usahanya memperjuangkan keadilan gender, Amina Wadud telah menghasilkan dua karya iaitu *Quran and Women: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective* diterbitkan pada tahun 1999 dan *Inside the Gender Jihad Women's Reform in Islam* diterbitkan pada 2006. Penulisan Amina Wadud lebih banyak dihasilkan di dalam bentuk artikel dan jurnal (Murofin, 2013; Rihlah Nur Aulia, 2011). Artikel ini secara khususnya meninjau karya kedua beliau tersebut.

## Pendekatan Feminisme

Feminisme merupakan satu fikiran atau gagasan mengenai kehidupan sosial dan pengalaman manusia yang berkembang dari perspektif wanita. Sebahagian memahami feminisme adalah memperjuangkan kesetaraan gender. Hal ini terdorong disebabkan oleh tindak balas terhadap ketidakadilan yang dialami oleh wanita sepanjang sejarah. Feminisme ini bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap penindasan yang dialami oleh wanita dalam strata sosial masyarakat atau berdasarkan kepada doktrin agama (Zulfikri, t.th, Latifah Abdul Majid & Nur Zainatul Nadra Zainol 2019).

Pendekatan feminisme dalam kajian Islam adalah menganalisis Islam yang didasarkan kepada pandangan hidup wanita sebagai alat analisis atau metodologi dalam menilai kedudukan wanita dalam sebuah masyarakat (Ulya, 2017; Abd. Gafur, 2015; Sokhi Huda, 2013). Dengan kata lain, pendekatan ini mengambil kira pendapat dan pengalaman wanita yang diabaikan ketika menganalisis permasalahan yang muncul (Ulya, 2017). Matlamat feminisme adalah membebaskan wanita daripada tanggapan yang mengatakan kedudukan wanita adalah lebih rendah daripada lelaki dan sistem ekonomi dan politik dunia tidak melihat keunikan wanita (Abdul Karim, 2014). Selain itu, idea feminisme juga ditinjau dengan lebih umum yakni ia dikelaskan sebagai fahaman yang memperjuangkan pihak yang tertindas, tanpa mengira perempuan ataupun lelaki. Jika wanita menjadi pihak yang tertindas maka wanitalah yang diperjuangkan dalam pendirian dan gagasan feminisme.

Pendekatan ini digunakan oleh tokoh feminis bagi mengkaji ayat-ayat al-Quran atau hadis yang dipengaruhi *'missogini'* yang sering ditafsirkan sebagai bukti kekuasaan lelaki. Maka tidaklah menghairankan apabila majoriti tokoh-tokoh yang memperjuangkan fahaman ini sebahagian besarnya adalah dari kalangan wanita. Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat tokoh feminisme yang terdiri daripada kalangan lelaki (Ulya, 2017).

Amina Wadud berpendapat bahawa sistem sosial dalam masyarakat yang melibatkan lelaki dan wanita seringkali mencerminkan wujudnya bias patriarki sehingga kaum wanita kurang mendapat keadilan yang selayaknya. Oleh itu, Amina Wadud menghasilkan karya yang bertajuk *'Inside the Gender Jihad Women's Reform in Islam'*. Ia bukan hanya membincangkan mengenai kajian terhadap al-Quran dari persepektif feminis, bahkan turut membincangkan tentang pengalamannya sebagai isteri, ibu tunggal, saudara perempuan, sarjana, penyelidik dan aktivis (Amina Wadud 2006 dan Rihlah Nur Aulia, 2011). Amina Wadud berpendapat bahawa penghasilan karya ini merupakan jihad awalnya dalam memperjuangkan hak-hak keadilan bagi kaum wanita khususnya wanita Islam.

## Pengenalan Karya

Karya Amina Wadud mengenai bidang jihad wanita bertajuk *Inside the Gender Jihad Women's Reform in Islam*. Perbincangan beliau mengandungi analisa terhadap ayat al-Quran yang dikaitkan dengan pengalaman hidupnya dalam melaksanakan jihad. Karya ini diterbitkan pada tahun 2006, mengandungi 286 muka surat dan mempunyai tujuh bab, tidak termasuk bahagian pengenalan dan kesimpulan. Amina Wadud (2006) memulakan perbincangan karyanya dengan memberikan definisi-definisi terma yang menurutnya adalah konsep utama yang perlu diketengahkan tanpa melibatkan perbezaan gender. Antara terma yang dibincangkan adalah tauhid, khalifah, moral dan takwa.

Dalam bab yang kedua pula, Amina Wadud (2006) membincangkan cabaran yang dihadapinya sebagai seorang akademik dan penyelidik dalam usahanya untuk memperjuangkan keadilan gender. Bab yang ketiga mengemukakan perbincangan mengenai penglibatan wanita dalam organisasi dan khidmat rundingan. Bab yang keempat membincangkan peranan wanita dalam keluarga. Fokus utama diberikan ketika membincangkan bab ini adalah wanita sebagai ibu tunggal. Seterusnya, Amina Wadud (2006) menyetengahkan mengenai kepimpinan wanita dalam ibadah dengan menyertakan peristiwa beliau memimpin solat jumaat dan membaca khutbah. Bab keenam pula fokus kepada kaedah penafsiran yang digunakannya ketika membincangkan mengenai isu-isu wanita yang terdapat di dalam al-Quran iaitu kaedah atau pendekatan hermeneutik feminis. Bab yang terakhir membincangkan beberapa isu semasa pada ketika buku tersebut ditulis yang melibatkan isu hijab dan peristiwa 11 September 2001.

## Bentuk-Bentuk Jihad bagi Wanita

Karya ini menampilkan lapan bidang jihad bagi wanita. Amina Wadud membahagikan bidang pelaksanaan jihad bagi wanita kepada wanita berjihad menerusi peranan dalam keluarga, sebagai kakitangan dalam sektor pekerjaan, sebagai ketua yang memimpin solat dan amalan ibadah, menempatkan kedudukan dalam institusi

agama, bidang pendidikan dan penyelidikan, menerusi jaringan dan khidmat rundingan, menerusi aktiviti kemasyarakatan, menerusi kepimpinan dalam organisasi. Namun begitu, artikel ini memfokuskan kepada empat bidang jihad bagi wanita iaitu wanita berjihad menerusi (a) peranan mereka dalam keluarga, (b) sebagai kakitangan dalam sektor pekerjaan (c) ketua yang memimpin solat dan amalan ibadah dan (d) berkecimpung dalam bidang pendidikan dan penyelidikan sebagai pendidik dan penyelidik.

#### 1. Peranan Sebagai Isteri dan Ibu dalam Keluarga

Amina Wadud (2006) membincangkan mengenai peranan wanita dalam aspek kekeluargaan. Menurut Amina Wadud (2006), seluruh manusia di muka bumi tidak terlepas daripada penyerahan diri (*engaged surrender*) kepada Allah SWT termasuklah kaum wanita. Peranan utama yang dilaksanakan oleh wanita dalam penyerahan diri kepada Allah adalah dengan mengandungkan anak selama sembilan bulan dan melahirkannya di samping melaksanakan tanggungjawab, memenuhi keperluan dan memberikan penghormatan kepada pasangan.

*“This is marvellous example of engaged surrender. The mother cannot take a day’s rest. She cannot lay the child down beside her on the bed and say, ‘Just for today, I think I will not be pregnant.’ But, even more importantly, after the nine months is over, she may not hold onto to that child. She must surrender the child and give in to Allah’s will. For, just as Allah commanded her to hold on to that child for nine long months, so must she engage in the act of surrender when it is time to bring the child forth.”*

(Amina Wadud, 2006: 158)

*“...if marriage is half of faith, then marriage is half of what we need to struggle with to engage ourselves in surrender before Allah. When the difficulty is over, we should still be striving. We still strive because our Lord is the goal,”*

(Amina Wadud, 2006: 160).

Namun begitu, perbincangan Amina Wadud lebih tertumpu kepada peranan sebagai ibu tunggal ketika membincangkan mengenai bentuk jihad bagi wanita di dalam subtopik ‘*A New Hajar Paradigm: Motherhood and Family*’. Amina memilih pengalaman Hajar, isteri kepada Nabi Ibrahim membesarkan anaknya Nabi Ismail tanpa ada suaminya di sisi sebagai asas jihad wanitanya. Kisah mengenai kecekalan Hajar dalam kehidupan telah dibincangkan dalam kajian lepas yang menjelaskan peranan dan kekuatan tokoh wanita ini yang melaksanakan tanggungjawab keibuannya bersendirian (Najah Nadiyah et.al 2018). Situasi ini juga dialami oleh Amina Wadud sebagai ibu tunggal kepada lima orang anak. Amina menekankan fokus perbincangan kepada peranan wanita di dalam keluarga sebagai ibu tunggal.

*“...this chapter is partially inspired by the living hell for many single female parents, or women with disabled or un-able fathers, husbands, and brothers in a Muslim community that pretends such an expression is a statement of fact and therefore ignores the agony of these women, making them invisible.”*

(Amina Wadud, 2006; 126)

Amina Wadud berpendapat, malangnya pihak lelaki terutamanya suami hanya memberikan sedikit sumbangan di dalam keluarga kerana keistimewaan sistem patriarki yang telah diamalkan.

*“I use the particulars of this experience as a major criterion for challenging all reformist dialogue that is held primarily by men whose “fight” for justice focuses so exclusively on the right to preserve or extend greater privilege to the ones already privileged – Muslim men. They offer little or no direct contribution to the discourse and practice of family, nor the eradication of poverty with its negative gender consequences.”*

(Amina Wadud, 2006; 126)

Tugas sebagai ibu adalah untuk menjaga dan mendidik anak-anak. Secara keseluruhannya, bidang jihad bagi wanita menerusi penunaian peranan dan tanggungjawab yang ditampilkan oleh Amina Wadud (2006) hampir selari dengan yang ditampilkan di dalam Islam iaitu wanita sebagai isteri dan juga ibu. Islam juga mengiktiraf peranan wanita supaya mereka dapat mendidik anak-anak dengan baik agar dapat membina satu generasi umat Islam yang cemerlang. Secara khususnya, Amina meluaskan lagi perbincangan jihad wanita

dalam aspek kekeluargaan dengan melibatkan wanita yang bergelar sebagai ibu tunggal. Anak-anak merupakan pencapaian terpenting bagi wanita khususnya ibu. Tugas tersebut ditanggung oleh golongan wanita secara berganda apabila menjadi ibu tunggal (Nuur Syafiqah & Najah Nadiah 2020). Hal ini kerana, Amina Wadud berpendapat bahawa wanita yang mempunyai status sebagai ibu tunggal sering diabaikan dan dipinggirkan.

## 2. Peranan Sebagai Pekerja dalam Sektor Pekerjaan

Kaum wanita juga memikul tanggungjawab di dalam dan di luar rumah. Sumbangan wanita dalam sektor pekerjaan telah memberi impak yang besar terhadap perkembangan ekonomi negara terutamanya selepas berlakunya revolusi industri. Hal ini terjadi kerana, tenaga kerja dari kalangan lelaki kurang diserapkan ke dalam industri menyebabkan wanita juga perlu turut serta demi mencari nafkah. Segala pandangan mengenai individu atau institusi diukur berdasarkan kepada pendapatan isi rumah.

Perubahan ekonomi ini menyebabkan peranan wanita juga telah mengalami perubahan hingga menyebabkan mereka perlu melakukan tugas berganda sebagai suri rumah dan pekerja di luar rumah. Disebabkan oleh tugas berganda yang dialami wanita terutamanya ibu tunggal, Amina Wadud merasakan sangat wajar memberikan tumpuan kepada peranan wanita khususnya ibu tunggal dengan mengambil kira ketabahan dan keberaniannya termasuklah tanggungjawab tunggal untuk sokongan kebendaan pada masa yang sama menawarkan perkhidmatan awam kepada masyarakat. Ini kerana, ibu tunggal tidak mempunyai keistimewaan yang sama dengan keluarga yang mempunyai lelaki sebagai ketua keluarga.

*“The Hajar paradigm is the reality for Muslim women heads of households whose legal category in sha’riah deviates from the patriarchal, men-centered norm.”*

(Amina Wadud, 2006:150)

*“Hajar was the presentation of the inadequacy of patriarchal worldviews within the context of religious law and personal status in Islam.”*

(Amina Wadud, 2006:153)

Islam memberikan kebebasan kepada kaum wanita untuk terlibat dalam sektor pekerjaan selagi mana syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi dan tidak terlibat dengan gejala-gejala yang dilarang oleh Allah SWT. Wanita juga perlu seimbangkan antara pekerjaan dan tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak demi memelihara kemaslahatan masyarakat kerana keadaan masyarakat bergantung kepada keadaan keluarga.

## 3. Menerajui Kepimpinan Agama/Mengepalai Ibadah

Antara kontroversi yang mengangkat nama Amina Wadud adalah insiden beliau menjadi pembaca khutbah dan imam solat Jumaat. Bagi Amina Wadud, dalam bab ‘*Public Ritual Leadership and Gender Inclusiveness*’ beliau berpendirian wanita boleh diangkat sebagai imam yang mengetuai solat bagi kaum lelaki dan wanita. Bagi beliau, tugas sebagai imam solat Jumaat bukanlah tanggungjawab kepada kaum lelaki semata-mata. Bahkan baginya, pendirian tersebut merupakan satu bentuk transformasi dalam masyarakat Islam. Menurutnya wanita sering dipinggirkan dalam melaksanakan tugas tersebut.

*“I first step to fully remove the displacement imposed on the most significant part of my personal contribution to this act of gender transformation, I first step forward from the place where I was rendered khatibah, with multiple aspects of myself sometimes in place and sometimes displaced. In this chapter, I will also clarify the interface and complexities between subversive coincidence and purpose.”*

(Amina Wadud, 2006: 163)

Amina Wadud juga berpendapat bahawa jemaah solat boleh digabungkan antara kaum lelaki dan wanita di dalam saf yang sama (Rihlah Nur Aulia, 2011). Perkara ini menunjukkan bahawa beliau berusaha untuk mewujudkan keadilan gender dalam urusan agama seperti dalam hal kepimpinan dan amalan pelaksanaan solat. Peranan yang diketengahkan oleh Amina Wadud ini bertentangan dengan pandangan Zaenab Abdullah (2012) dan Enizar (2007) yang menyatakan bahawa bidang jihad dalam hal pelaksanaan ibadah bagi wanita adalah menerusi ibadah haji dan umrah. Malahan, apa yang diketengahkan itu bercanggah saranan Nabi Muhammad SAW berkaitan jihad bagi wanita dan juga pendapat majoriti ulama. Mazhab-mazhab

Islam melarang wanita menjadi imam kepada jemaah yang terdiri daripada kaum lelaki. Malah, para ulama juga bersepakat bahawa solat jumaat tidak diwajibkan kepada kaum wanita.

#### 4. Sebagai Pendidik dan Penyelidik

Selain daripada peranan dan tanggungjawab di dalam urusan rumahtangga dan aktiviti kemasyarakatan, terdapat wanita yang memilih untuk menceburi sektor pendidikan dan menjadikannya sebagai kerjaya. Amina Wadud turut menyatakan bahawa beliau mempunyai pengalaman selama 30 tahun di dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Menurut Amina, beliau telah mula melaksanakan kajian mengenai gender dan Islam sejak bergelar sebagai pelajar siswazah. Beliau juga telah melakukan beberapa perubahan dalam bidang Pengajian Wanita Islam (*Muslim Women's Studies*) dan Program Pengajian Gender (*Women's and Gender Studies*) di Amerika bagi menarik minat orang ramai untuk mempelajari bidang ini. Malah, beliau juga telah mengetengahkan inovasi dalam bentuk ideologi baru berkaitan wanita dengan memberi tumpuan kepada "*gender inclusive theological analysis*".

*"At first I accepted these invitations because, after all, I did have something to contribute within this vast and borderless area of research. I then just got tired of the same title and offered to work out an appropriate title using details about the larger framework of the forum, the audience, and the topics of interest. I was still limited to gearing my presentation specifically toward my expertise: gender-inclusive theological analysis."*

(Amina Wadud, 2006: 73).

Amina Wadud mendapati bahawa amalan patriarki yang diamalkan sejak dahulu telah mempengaruhi amalan dan praktikal Islam sepanjang usahanya memahami bidang Pengajian wanita Islam. Amalan patriarki ini juga mencerminkan budaya, etnik, adat istiadat pemahaman agama dan sebagainya. Hal ini telah menyebabkan Islam dipandang sebagai agama yang menindas wanita disebabkan oleh amalan yang menjadi budaya dalam masyarakat. Oleh itu, Amina Wadud berpendapat bahawa perlu adanya penafsiran al-Quran mengikut perspektif wanita bagi menepis bias patriarki yang berlaku pada wanita hari ini. Pendekatan yang diketengahkan itu menghubungkan atau memasukkan elemen gender dalam menganalisis bidang ilmu kegamaan dan ketuhanan. Bagi Amina Wadud, keserjanaan dalam pendidikan dan penyelidikan dalam bidang tersebut merupakan satu usaha jihad yang perlu diteroka dan dikuasai oleh para wanita dalam mengubah kehidupan beragama dan sosial (Amina Wadud 2006).

## KESIMPULAN

Artikel ini telah mengetengahkan bahawa konsep jihad dalam Islam merangkumi pelbagai usaha dan pengorbanan dalam melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Jihad juga mempunyai makna khusus iaitu peperangan menentang orang kafir dalam rangka menjaga dan mempertahankan agama Allah. Namun segelintir sarjana Barat melihat jihad dalam aspek yang sempit dan dikaitkan dengan keganasan. Ia juga sering dikaitkan dengan budaya mengongkong wanita dari melaksanakan jihad. Artikel ini menjelaskan bahawa jihad tidak hanya dilaksanakan oleh kaum lelaki tetapi Islam mengiktiraf penglibatan wanita yang berjihad mengikut keperluan dan bidang mereka. Kajian ini telah memilih seorang tokoh feminis iaitu Amina Wadud yang mengkaji berkaitan bidang dan peranan wanita dalam berjihad. Kajian juga mendapati bahawa peminggiran wanita disebabkan oleh budaya patriarki yang diamalkan oleh masyarakat Muslim setempat telah mempengaruhi Amina Wadud untuk menghuraikan aspek jihad dari perspektif feminis. Sungguhpun begitu, Amina Wadud menerusi pengalaman hidupnya, telah menyenaraikan lapan bentuk jihad yang boleh diceburi oleh wanita. Artikel ini telah membincangkan empat daripadanya yang menyentuh peranan wanita secara domestik khususnya ibu tunggal dalam mengendalikan kehidupan keluarga, wanita sebagai pekerja yang gigih dan komited dalam sektor pekerjaan, wanita sebagai pemimpin agama yang mengetuai solat berjemaah untuk para jemaah tanpa mengira jantina dan juga wanita berperanan sebagai pendidik yang juga penyelidik demi meningkatkan budaya intelektual masyarakat dan membawa perubahan dalam amalan agama. Perbincangan berkaitan bidang jihad bagi wanita yang dibincangkan oleh Amina masih terhad kerana ia bersumberkan pengalaman hidup beliau sendiri. Oleh itu pendirian beliau khususnya dalam perkara yang bercanggah dengan pandangan majoriti sarjana Islam perlu dibuat penilaian semula. Oleh itu kajian lanjutan berkaitan bidang jihad wanita harus diteroka agar pandangan dan kefahaman tentang jihad baik dari sisi wanita dan Islam dapat dihuraikan dengan lebih komprehensif dan adil.

## Rujukan

- Amina Wadud. 2006. *Inside the Gender Jihad: Womens Reform in Islam*. One World Oxford.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md.Sham, Salasiah Hanim Hamjah. 2012. Khidmat Sosial Wanita pada Zaman Rasulullah SAW. *Jurnal Hikmah* 4. 37-49.
- David Cook. 2005. Women Fighting in Jihad. *Studies in Conflict & Terrorism* 28. 375-384.
- Enizar. 2007. *Jihad! The Best Jihad for Moslems*. Jakarta. Penerbit Amzah.
- Haron Din, Sulaiman Yassin, Hassan Salleh, Sidi Ghazalba. 1985. *Manusia dan Agama*. Polis Diraja Malaysia.
- Haron Din. 2007. *Islam: Jihad Sebagai Survival Insan*. Selangor. PTS Milenia.
- Hayati Aydin. 2012. Jihad in Islam. *GJAT* December 2012. 2(2). 7-15.
- Kamaruddin. 2008. Jihad dalam Perspektif Hadis. *Jurnal Hunafa*. 5(1). 101-116.
- Latifah Abdul Majid, Nur Zainatul Nadra Zainol. 2019. Menangkis Kritikan Orientalis Terhadap Al-Quran Dan Sunnah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukmanul Hakim Darusman. 2008. *Jihad in Two Faces of Shari'ah Sufism and Islamic Jurispudence and the Revival of Islamic Movements in the Malay World Case Studies of Yusuf al-Maqassary and Dawud al-Fatani*. VDM Verlag Dr. Muller Aktiengesellschaft & Co. KG. Germany.
- Mek Wok Mahmood (Dr). 2014. *Hak-Hak, Penglibatan Dan Tanggungjawab Wanita Islam*. Selangor. Percetakan Zafar Sdn Bhd.
- Mohd Anuar Ramli. 2013. Metodologi Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 21(3). 259-288
- Mustaffa Abdullah. 2005. *Jihad dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mutrofin. 2013. Kesetaraan Gender Dalam Pandangan Amina Wadud Dan Riffat Hassan. *Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* Vol. 3 No 1. 235-
- Najah Nadiyah Amran, Latifah Abdul Majid, Rozita Ibrahim, Haziyah Hussin, A'dawiyah Ismail & Fazilah Idris. 2018. Hajar isteri Nabi Ibrahim AS Ikon Wanita Kalis Masa Depan dalam Dinamika Kefahaman dan Pemikiran Islam Semasa. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Nurhafilah Musa, Najah Nadiyah Amran 2019. Inspirasi Muslimah ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan (Jilid 1). Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Nuur Syafiqah Abirerah, Najah Nadiyah Amran. 2020. Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah. *Jurnal al-Turath*. 5 (1).11-22
- Nuril Hidayati. 2018. Teori Feminisisme: Sejarah, Perkembangan dan Relevansinya dengan Kajian Keislaman Kontemporer. *Jurnal Harakat: Media Komunikasi Gender*. 14 (1). 21 – 29.
- Rihlah Nur Aulia. 2011. Menakar Kembali Pemikiran Feminisme Amina Wadud. *Jurnal Studi al-Qur'an* Vol VII No 1 Januari 2011. 45-62.
- Ulya. 2017. Berbagai Pendekatan dalam Studi al-Qur'an Penggunaan Ilmu-Ilmu Sosial, Humaniora, dan Kebahasaan dalam Penafsiran al-Qur'an. Idea Press. Yogyakarta.
- Wafda Vivid Izziyana. 2016. Pendekatan Feminisme Dalam Studi Hukum Islam. *ISTAWA Jurnal Pendidikan Islam*. 2 (1).139 – 158.
- Zaenab Abdullah. 2012. *Jihad Perempuan dalam Perspektif Hadis (Kajian tentang Jihad dalam Ibadah Haji, Rumahtangga dan Medan Perang)*. Universiti Islam Negeri Alauddin Makassar.